

<PRE>

28 MAR 2000

Najib-Demokrasi

DEMOKRASI MASIH HIDUP DALAM UMNO, KATA NAJIB

KUALA LUMPUR, 28 Mac (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini berkata demokrasi masih hidup dan subur dalam Umno walaupun jawatan Presiden dan Timbalan Presiden dimenangi tanpa bertanding secara tidak rasmi.

Beliau berkata pertandingan masih akan dijalankan untuk jawatan-jawatan naib presiden dan Majlis Tertinggi (MT) pada pemilihan parti Mei ini.

Setakat ini, bahagian-bahagian Umno mencalonkan 11 orang bagi jawatan naib presiden, walaupun mungkin tidak kesemuanya akan bertanding atau telah menawarkan diri bertanding.

"Demokrasi masih hidup dalam parti dan pertandingan peringkat MT dan naib presiden cukup rancak," katanya selepas melancarkan projek pembinaan Kem Transit dan Rejimen 502 Askar Wataniah, di sini.

Najib, yang juga Menteri Pertahanan, ditanya sama ada ketiadaan pertandingan untuk dua jawatan tertinggi Umno itu boleh diibaratkan demokrasi tidak lagi wujud dalam parti, seperti dakwaan setengah-setengah pihak.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi masing-masing diisytiharkan sebagai pemenang tidak rasmi bagi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno setelah mendapat 133 pencalonan.

Dr Mahathir turut mendapat satu lagi pencalonan dari bahagian Beluran, Sabah, semalam, yang menjadikan jumlah pencalonan yang diterimanya ialah 134.

Najib berkata semasa proses pencalonan dibuat, bahagian-bahagian juga menyerahkan kepada perwakilan untuk membuat keputusan dan ada bahagian yang menjalankan undi sulit bagi mencalonkan mereka yang menawarkan diri untuk bertanding.

Menurutnya apa yang penting ialah kerja-kerja mengukuhkan parti di semua peringkat untuk menambahkan keyakinan orang Melayu terhadap Umno sebagai wadah perjuangan mereka.

-- BERNAMA

RV NAK